

## **SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) – PERMOHONAN SURAT KELULUSAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**

Soalan-soalan lazim ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada pertanyaan berkaitan permohonan surat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)

---

### **SURAT KELULUSAN JAS**

#### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan Surat Kelulusan JAS?**

Surat Kelulusan JAS adalah surat yang dikeluarkan oleh JAS menjadi prasyarat sebelum dibenarkan untuk memohon Perakuan Kelulusan (COA) atau Surat Pelepasan (RL) daripada Suruhanjaya Tenaga.

#### **2. Siapakah yang perlu memohon Surat Kelulusan JAS?**

Pemohon adalah pengilang, pengimport, pembamer, penjual dan pengiklan kelengkapan elektrik yang disenaraikan sahaja (rujuk soalan 3).

#### **3. Apakah kategori dan jenis-jenis kelengkapan elektrik yang memerlukan Surat Kelulusan JAS?**

Kategori dan jenis-jenis kelengkapan elektrik adalah seperti berikut:-

- i. Peti Sejuk (*Refrigerator*) N16;
- ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*) N30; dan
- iii. Penapis Air (*Water Filter*) N12.

#### **4. Bolehkah satu (1) Surat Kelulusan JAS dipohon untuk banyak model?**

Tidak. Satu (1) Surat Kelulusan JAS hanya boleh digunakan untuk memohon satu (1) model kelengkapan elektrik sahaja.

#### **5. Bolehkah satu (1) Surat Kelulusan JAS dipohon untuk banyak jenama?**

Tidak. Satu (1) Surat Kelulusan JAS hanya boleh digunakan untuk memohon satu (1) jenama kelengkapan elektrik sahaja.

**6. Apakah punca kuasa JAS dalam menguatkuasakan pengawalseliaan pengimportan dan pengeluaran Alat Penyejukbekuan dan Penyaman Udara Berasaskan Hidroklorofluorokarbon (HCFC)?**

Selaras dengan obligasi di bawah Protokol Montreal, Malaysia telah bersetuju untuk mengawal pengimportan, pengeluaran dan pemasangan alat penyejukbekuan dan penyaman udara yang menggunakan HCFC. Peraturan yang digunakan untuk kawalan tersebut adalah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020, HCFC disenaraikan dalam Jadual Kedua sebagai bahan refrigeran yang membahayakan alam sekeliling. Peraturan tersebut juga menyatakan larangan ke atas pengilangan atau pemasangan apa-apa kelengkapan penyaman udara yang berdasarkan HCFC untuk kegunaan di Malaysia.

**7. Adakah kelengkapan elektrik dibawah kategori N12, N16 dan N30 yang menggunakan gas HCFC dan HFC memerlukan surat kelulusan JAS?**

Ya, kesemua kelengkapan elektrik di bawah kategori yang disenaraikan dalam soalan 3 memerlukan surat kelulusan JAS.

**8. Apakah subkategori bagi peti sejuk yang memerlukan surat kelulusan JAS?**

Subkategori bagi peti sejuk di bawah kategori N16 adalah seperti berikut:-

- i. Peti sejuk (*refrigerator*) N16.01;
- ii. Peti sejuk beku (*freezer*) N16.02;
- iii. Peti sejuk bar mini (*minibar*) N16.03; dan
- iv. *Chest Freezer* N16.04

**9. Apakah subkategori bagi penyaman udara yang memerlukan surat kelulusan JAS?**

Subkategori bagi penyaman udara di bawah kategori N30 adalah seperti berikut:-

- i. Penyaman udara jenis pisah (*split type AC*) N30.01;
- ii. Penyaman udara mudah alih (*portable AC*) N30.02; dan
- iii. Penyaman udara siling (*ceiling AC*) N30.03

## **10. Apakah subkategori bagi penapis air yang memerlukan surat kelulusan JAS?**

Subkategori bagi penapis air di bawah kategori N12 adalah seperti berikut:-

- i. Air sejuk N12.17;
- ii. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas mendidih) N12.20;
- iii. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas tidak mendidih) N12.21; dan
- iv. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas serta merta dan tidak mendidih) N12.22

## **PROSEDUR PERMOHONAN SURAT KELULUSAN JAS**

### **1. Bagaimanakah cara untuk memohon Surat Kelulusan JAS?**

Langkah-langkah untuk permohonan Surat Kelulusan JAS:

- i. Melaksanakan pendaftaran e-Permit dengan menghubungi Dagang Net Technologies Sdn Bhd (DNT) di talian 1-300-133-133 atau melalui emel careline@dagangnet.com bagi mendapatkan ID dan kata laluan.
- ii. Daftar masuk ID dan kata laluan di <https://newepermit2.dagangnet.com.my/epermit/html/login>
- iii. Klik pada pilihan menu iaitu DOE - AIR DIVISION dan klik pada permohonan surat kelulusan untuk ke modul surat kelulusan



- iv. Masukkan butiran seperti maklumat syarikat dan ejen

Consignor Details			
ROC / ROB No.	Company Name		
56432-C	Consignee Dist Sdn Bhd		
Company Address *			
Lot 3-5	Jalan Putra Permai	Taman Equine	
Postcode	City	State	Country *
43300	Seri Kembangan	Selangor	MALAYSIA
Agent Details			
Agent Code *	Company Name *		
S-5643	XYZ Dist (M) Sdn Bhd		
Company Address *			
Jalan 1/2	Taman Perindustrian Bakar Arang		
Postcode *	City *	State	Country *
40000	Sungai Petani	Kedah	MALAYSIA

- v. Masukkan butiran pemohon dan maklumat berkaitan peralatan yang diimport

Applicant Details				
Name *				
Alan Choo				
IC No. / Passport No. *	Designation *	Phone No. *	Fax No.	Email *
910203024467	Exec	01744392887		alan@digi.com
Additional Details				
Category *	Sub-Category *	Model *	Trade Name *	
REFRIGERATOR	CHEST FREEZER	N123	5 STAR FREEZER	
Refrigerant Type *	Refrigerant Charge Quantity (kg) *	Purpose *		
V323	232	Mengiklan		
Import Unit With/Without Refrigerant	Amount of Refrigerant (kg) *			
Yes	10			
No				
Yes				

- vi. Muat naik lampiran yang berkaitan seperti *type test report*, *factory acceptance test* (FAT) atau surat pengisytiharan bagi peralatan yang diimport. Pemohon wajib memuat naik sekurang-kurangnya satu lampiran untuk meneruskan permohonan.

**Attachment**

\*Do ensure that the attachment is a valid document to support your application and to avoid rejection by the Agency.  
Note: Maximum total size allowed for attachment is 10 MB (10,240 KB).  
Only (.pdf) file(s) attachment are supported.

Document Type	File * <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen <input type="button" value="UPLOAD"/>
<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; width: 100%;">         Please Select          Please Select  <b>Test Report Safety</b>          Test Report Performance          Others       </div>	

- vii. Sekiranya semua maklumat berkenaan permohonan surat kelulusan telah diisi dengan betul, klik 'Yes' dan hantar.

**Attachment**

\*Do ensure that the attachment is a valid document to support your application and to avoid rejection by the Agency.  
Note: Maximum total size allowed for attachment is 10 MB (10,240 KB).  
Only (.pdf) file(s) attachment are supported.

Document Type	File * <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen <input type="button" value="UPLOAD"/>
<small>*Maximum File Upload Limit Reached</small>	

No.	File Name	Document Type
1	<a href="#">TEST REPORT SAFETY</a>	Test Report Safety
2	<a href="#">OTHERS</a>	Others
3	<a href="#">TEST REPORT PERFORMANCE</a>	Test Report Performance

YES
NO

**Attachment**

No.	File Name	Document Type
1	<a href="#">TEST REPORT SAFETY</a>	Test Report Safety
2	<a href="#">OTHERS</a>	Others
3	<a href="#">TEST REPORT PERFORMANCE</a>	Test Report Performance

**PIA Response**

Current Status		
Awaiting OGA Approval	Verification By	Verification Datetime
		Approved
Effective Datetime	Expiry Datetime	Approval N
PIA Remarks		

**SUCCESS**  
Approval Letter Application Successfully Submitted.

- viii. Surat kelulusan hanya boleh dicetak bagi permohonan yang telah diluluskan.
- ix. Bagi permohonan yang telah lulus, semua maklumat yang telah diisi semasa permohonan surat kelulusan JAS akan dipaparkan pada sistem ePermit COA atau RL ST.

**2. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan Surat Kelulusan JAS?**

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah: -

- i. Laporan Ujian Jenis (*Type Test Report*); dan/atau
- ii. Surat Pengisytiharan (*Declaration Letter*) bagi penggunaan, jenis dan kuantiti gas yang digunakan.

**3. Apakah standard format Surat Pengisytiharan yang akan dikemukakan oleh pemohon?**

Surat Pengisytiharan perlu menggunakan *letter head* pengilang untuk mengesahkan maklumat gas yang digunakan bagi kelengkapan elektrik terlibat.(spt. jenama, jenis atau model, jenis dan kuantiti gas refrigeran)

**4. Apakah badan pengujian bagi pengeluaran Laporan Ujian Jenis yang diterima oleh JAS?**

- i. SIRIM Berhad / Makmal diakreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM);
- ii. Makmal dibawah IECEE CB Scheme;
- iii. Makmal diakreditasi oleh APLAC MRA;
- iv. Makmal diakreditasi oleh ILAC MRA;
- v. Makmal yang tersenarai sebagai *Designated Testing Laboratory* (DTL) dibawah ASEAN EE MRA.

**5. Bolehkah Laporan Ujian Jenis yang dikeluarkan oleh *in-house factory* diterima?**

Penerimaan Laporan Ujian Jenis selain senarai di atas boleh dipertimbangkan oleh JAS, sebagai contoh *Factory Acceptance Test* (FAT) yang dikeluarkan oleh pengilang.

**6. Berapakah tempoh sah Surat Kelulusan JAS?**

Tempoh sah Surat Kelulusan JAS adalah selama dua belas (12) bulan daripada tarikh kelulusan.

**7. Apakah fi atau bayaran yang dikenakan?**

Tiada sebarang fi atau bayaran yang dikenakan bagi permohonan Surat Kelulusan JAS.

**8. Berapa lamakah proses permohonan Surat Kelulusan JAS?**

Sekiranya dokumen yang dihantar adalah lengkap, proses permohonan Surat Kelulusan JAS adalah tidak melebihi lima (5) hari bekerja.

**9. Bagaimanakah cara untuk memohon pembaharuan Surat Kelulusan JAS?**

Surat kelulusan JAS tiada pembaharuan seperti COA atau RL ST, sekiranya telah tamat tempoh ianya perlu dimohon semula seperti proses biasa.

**10. Bagaimana sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan prosedur permohonan surat kelulusan JAS?**

Jika ada pertanyaan lanjut berkenaan prosedur permohonan surat kelulusan JAS sila hubungi Pn. Rina Arnida Ahmad ([rina@doe.gov.my](mailto:rina@doe.gov.my)); 03-8870 2314 atau Pn. Nurhusna Najwa Hussin ([najwa@doe.gov.my](mailto:najwa@doe.gov.my)); 03-8870 2344.

**PERMOHONAN PERAKUAN KELULUSAN (COA) DAN SURAT PELEPASAN (RL)  
SURUHANJAYA TENAGA**

**1. Apakah peranan permohonan COA oleh Suruhanjaya Tenaga dengan Surat Kelulusan JAS?**

Pemohon perlu mendapatkan Surat Kelulusan JAS secara atas talian terlebih dahulu yang menjadi pra-syarat sebelum memohon Perakuan Kelulusan (COA) atau RL melalui e-Permit. Tiada perubahan bagi aliran permohonan COA sedia ada di dalam sistem e-Permit.

## **2. Apakah kelengkapan elektrik yang terlibat bagi permohonan COA ST?**

**Kelengkapan elektrik yang terlibat adalah:**

- i. Peti Sejuk (*Refrigerator*);
- ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*); dan
- iii. Penapis Air (*Water Filter*).

## **3. Apakah jenis permohonan RL yang memerlukan Surat Kelulusan JAS?**

Permohonan RL yang memerlukan kelulusan Surat Kelulusan JAS adalah seperti berikut:-

- Bagi Kelengkapan Kawalan (*Regulated*): -
  - i. Kajian Kilang (*Factory Research*)
  - ii. Kajian Kualiti (*Quality Research*); dan
  - iii. Konsert.
- Bagi Kelengkapan Bukan Kawalan (*Non-Regulated*): -
  - i. Peti Sejuk (*Refrigerator*);
  - ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*); dan
  - iii. Penapis Air (*Water Filter*).

## **PROSEDUR PERMOHONAN PERAKUAN KELULUSAN (COA) DAN SURAT KELULUSAN (RL) SURUHANJAYA TENAGA (ST)**

### **1. Bagaimanakah cara untuk memohon Perakuan Kelulusan (COA) dan Surat Kelulusan ST?**

- i. Layari laman web ePermit ST <https://epermit.dagangnet.com.my>
- ii. Log masuk sistem tersebut menggunakan ID dan kata laluan yang telah didaftarkan

**PERMIT System**  
**ePermit SJT**

**User Name:**

**Password:**

Remember Password

**Login**

- iii. Klik pada butang ‘Apply’ untuk mula memohon perakuan kelulusan (COA)

Advanced Search

By Application Date	From <input type="text"/>	V (dd/MM/yyyy)
	To <input type="text"/>	V (dd/MM/yyyy)
By Approval Date	From <input type="text"/>	V (dd/MM/yyyy)
	To <input type="text"/>	V (dd/MM/yyyy)
By Application Type	Filter Application Type... <input type="button" value="▼"/>	
By OGA	SURUHANJAYA TENAGA <input type="button" value="▼"/>	
No. Kerja	<input type="text"/>	

Show Apply Copy Delete Renew

- iv. Pilih jenis permohonan sama ada untuk memohon perakuan kelulusan (COA) atau surat pelepasan (RL)

Select Application Type

Application Type	<input checked="" type="radio"/> Certificate of Approval - Import <input type="radio"/> Certificate of Approval - Manufacture <input type="radio"/> Release Letter
	<input type="button" value="Select"/>

v. Isi butiran lanjut seperti maklumat syarikat, ejen, pemohon dan maklumat tambahan

Edit Certificate of Approval (Import) - SJT1612022000035			
OGA Name	SURUHANJAYA TENAGA	Branch	Putrajaya
<b>Consignor Details</b>		<b>Consignee Details</b>	
ROC / ROB	<input type="text"/> <a href="#">[search]</a>	ROC / ROB	201283-M
Company Name	Company Name * <input type="text"/>	Company Name	DIGI TELECOMMUNICATIONS SDN. BHD.
Company Address	Company Address *  <input type="text"/> <input type="text"/>	Company Address	LOT 10, JALAN DELIMA 1/1 SUBANG HI-TECH INDUSTRIAL PARK 40000 SHAH ALAM, SELANGOR
<b>Agent Details</b>		<b>Applicant Details</b>	
Agent Name	<input type="text"/> <a href="#">[search]</a>	Applicant Name	NORHASLINA BINTI HASHIM * <a href="#">[search]</a>
Agent Code	<input type="text"/>	Applicant Designation	Executive *
Agent Address	<input type="text"/> <input type="text"/>	Applicant IC / Passport No.	731115145066 *
Mode of Transport	<input type="text"/>	Applicant Phone No.	<input type="text"/>
Purpose	Others * <input type="text"/>	Applicant Fax No.	<input type="text"/>
Country of Origin	CHINA - CN * <a href="#">[search]</a>	Port / Place of Import	KLANG, SELANGOR - MYKLA <a href="#">[search]</a>
Place of Origin	WUHAN, CHINA - CNWUH * <a href="#">[search]</a>	Location	KLANG, SELANGOR - MYKLA <a href="#">[search]</a>
Tender Reference No. <input type="text"/>			
<b>Additional Details</b>			
Company Phone No.	032000000 * <input type="text"/>		
Company Fax No.	<input type="text"/>		
Company Email Address	test@gmail.com * <input type="text"/>		
Handphone No.	0132222222 * (For SMS Purpose) <input type="text"/>		
COA Type	Import, Display, Sell, Advertise of Electrical Equipment * <input type="text"/>		
Country of Manufacturer	CHINA <a href="#">[search]</a> * <input type="text"/>		
Name of Manufacturer	AH TONG <input type="text"/>		
Address of Manufacturer	COVIC19 <input type="text"/>		
Category [More information]	AIR CONDITIONER (Cooling Capacity of 32,000 Btu/hr & below)- N30 <a href="#">[search]</a> * (Contact Suruhanjaya Tenaga if product is not found in the category list)		
Brand	cotel * <input type="text"/>		
<input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Next"/> <input type="button" value="Cancel"/>			

vi. Pada maklumat tambahan klik 'search', pilih kategori dan subkategori berdasarkan penyenaraian untuk peralatan yang diimport. Klik 'next' untuk meneruskan permohonan.

Additional Details	
Company Phone No.	<input type="text" value="032000000"/> *
Company Fax No.	<input type="text"/>
Company Email Address	<input type="text" value="test@gmail.com"/> *
Handphone No.	<input type="text" value="0132222222"/> * (For SMS Purpose)
COA Type	<input type="text" value="Import, Display, Sell, Advertise of Electrical Equipment"/> *
Country of Manufacturer	<input type="text" value="CHINA"/> *
Name of Manufacturer	<input type="text" value="AH TONG"/> *
Address of Manufacturer	<input type="text" value="COVIC19"/> *
Category [More information]	AIR CONDITIONER (Cooling Capacity of 32,000 Btu/hr & below)- N30  (Contact Suruhanjaya Tenaga if product is not found in the category list)  <input type="button" value="search"/> *
Brand	<input type="text" value="cate "/> *
<input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Next"/> <input type="button" value="Cancel"/>	

- vii. Kotak merah menunjukkan maklumat daripada surat kelulusan JAS. Klik 'search' untuk memilih nombor surat kelulusan yang telah diluluskan.

DOE Approval No.	<input type="text"/> * <input type="button" value="search"/>
Refrigerant Type	<input type="text"/> *
Model	<input type="text"/> * One model per line item only.
<input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Reset"/> <input type="button" value="Close"/>	

- viii. Klik pada nombor surat kelulusan untuk meneruskan permohonan.

DOE Approval No. List				
10 <input type="button"/> Show				
No.	Approval No.	Expiry Date	Refrigerant Type	Model
1	<a href="#">JAS-R-0070</a>	24/02/2023	toshiba F12	P33
Page <input type="button" value="1"/>				

- ix. Maklumat yang telah diisi dalam permohonan surat kelulusan JAS akan dipaparkan, sebaik sahaja nombor pada surat kelulusan JAS dipilih. Pemohon tidak perlu mengisi semula maklumat tersebut.

DOE Approval No.	JAS-R-0070	* [search]
Refrigerant Type	toshiba F12	*
Model	P33	* One model per line item only.
<input type="button" value="Save"/> <input type="button" value="Reset"/> <input type="button" value="Close"/>		

- x. Surat Kelulusan JAS yang telah diluluskan tidak perlu dilampirkan di bahagian ini. Pemohon wajib memuat naik dokumen sokongan iaitu *energy efficiency test report* untuk permohonan COA ST sahaja bagi produk penyaman udara dan penyejukbekuan. Klik ‘*submit to OGA*’ untuk menghantar permohonan.

**Edit Certificate of Approval (Import) - SJT1612022000035**

**Import Item**

No.	Description	Model	Tariff Code	Tariff Quantity	Tariff UOM	Unit Cost C.I.F (MYR)	Total (MYR)	Add	Delete
1	TEST1234567890	P33	0101.11 1111	9999999	AA				

Grand Total: 0.00

Page 1

Only one Model is allowed for this Category.

**Technical Documents**

Supporting documents are mandatory. If the supporting documents are not attached, your application will not be processed.

Attachment

Ensure that all informations are CORRECT. No changes will be entertained once submitted to Suruhanjaya Tenaga.

I solemnly declare that:

1. I have attached this application with the type test reports.  
 2. I shall label the electrical equipment as stated in the Certificate of Approval.  
 3. I shall prescribe to the SIRIM PRODUCT CERTIFICATION SCHEME or conduct the SIRIM CONSIGNMENT TEST.  
 4. I have given true information regarding the application.

**2. Bagaimana sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan prosedur permohonan COA atau RL ST?**

Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan COA/RL ST, sila hubungi En. Ahmad Hilmie Yusof di talian 03-8870 8628 atau [ahmadhilmie@st.gov.my](mailto:ahmadhilmie@st.gov.my)